

10/08/1998

SPP untuk kebajikan pekerja

Badrila Jamlus

PETALING JAYA, Ahad - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menjelaskan bahawa Skim Pemberhentian Pekerja (SPP) diwujudkan bukan untuk menggalakkan pekerja menjadi malas, tetapi bertujuan menjaga kebajikan golongan itu dalam jangka masa panjang.

Presidennya, Zainal Rampak, berkata walaupun skim itu mungkin tidak dapat dilaksanakan ketika kegawatan ekonomi sekarang, pelaksanaannya masih perlu dibincangkan.

Apa lagi, katanya, proses mewujudkan skim itu pasti mengambil masa kerana perlu dirundingkan dengan majikan, kerajaan dan melalui beberapa peringkat sebelum dibentangkan di Parlimen.

"Pandangan MTUC adalah jangka panjang kerana kita tahu kegawatan bukan hanya berlaku sekarang tetapi berlaku setiap sekali dalam tempoh 10 atau 15 tahun. Jadi kita bersedia dari sekarang.

"SPP tidak membebankan, bukan untuk menyelamatkan mana-mana syarikat yang muflis serta tidak sama dengan skim pengangguran yang diperkenalkan di Eropah," katanya dalam sidang akhbar di pejabatnya di sini, hari ini.

Menurutnya, beliau sendiri sudah bertemu dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini bagi memaklumkan cadangan itu.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut mengenai hasil pertemuannya dengan Dr Mahathir.

Zainal berkata, melalui skim itu MTUC mencadangkan supaya majikan mencarum RM1 sebulan bagi setiap pekerja dan pekerja juga diminta menyumbang jumlah yang sama setiap bulan.

Skim berkenaan, kata beliau, hendaklah dikendalikan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Dengan mengambil kira negara mempunyai kira-kira lima juta pekerja, beliau berkata, sebanyak RM10 juta sebulan dan RM120 juta setahun akan dapat dikumpul menerusi SPP yang boleh digunakan untuk pelbagai tujuan.

Katanya, skim berkenaan juga dapat membantu mengukuhkan kedudukan kewangan bank dan mengelak masalah pemberhentian pekerja.

Pada majlis itu, Pengerusi MTUC Selangor, Kamarus Zaman Mansor bersama 18 wakil kesatuan sekerja lain juga menyatakan pendirian masing-masing menyokong penuh penubuhan skim itu.

Menurutnya, SPP boleh membantu golongan pekerja yang teraniaya dan diberhentikan akibat prestasi syarikat yang tidak menentu, selain digunakan untuk tujuan lain seperti latihan.

Beliau berkata, majikan sepatutnya bersetuju dengan penubuhan tabung itu bagi menunjukkan sikap "tanggungjawab sosial" mereka terhadap kesusahan pekerja.

Sementara itu, Zainal meminta kerajaan menyusun semula struktur pengurusan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi memastikan dana yang disimpan dapat memberikan pulangan baik kepada pekerja.

Menurutnya, MTUC mencadangkan agar Pengerusi Lembaga Pengarah tidak memegang jawatan sebagai Ketua Eksekutif kerana ia mewujudkan "sesuatu minat" dalam menguruskan perjalanan KWSP.

Beliau berkata, pelantikan wakil pekerja sebagai lembaga pengarah KWSP juga hendaklah diundang daripada Pusat Buruh Kebangsaan dan kuasa pelantikan terus oleh menteri adalah tidak wajar.

(END)